

# Palestin: PM mahu gencatan senjata

UM - 17/6/2007

**KEPALA BATAS** 16 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang sedih dengan krisis terkini di Palestin berharap kesemua pihak yang berbalah di Gaza segera melakukan gencatan senjata dan berunding bagi menyelesaikan segala kemelut demi perpaduan umat Islam.

Perdana Menteri menegaskan, tanpa perpaduan sudah pasti kedudukan bangsa Palestin akan bertambah lemah akibat bermusuh sesama sendiri.

"Jadi bagaimana hendak menghadapi musuh yang jauh lebih besar yang memerlukan kekuatan mereka.

"Saya harap kedua-dua pihak dapat cepat-cepat bersetuju untuk berunding. Senapang, meriam, bom tangan ataupun alat atau barang pencetus krisis di merata tempat yang menyebabkan berlakunya kematian dan kerosakan bukanlah penyelesaian yang baik," tegasnya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Semarak Merdeka anjuran Pergerakan Pemuda UMNO negeri di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas perkembangan terkini konflik yang tiada kesudahan di Palestin, melibatkan pertempuran antara Hamas dan Fatah yang mengancam perjuangan rakyat Palestin.

Presiden Palestin, Mahmoud Abbas kelmarin telah mengisytihar perintah darurat dan memecat kerajaan perpaduan yang baru berusia tiga bulan apabila pejuang Hamas berjaya menguasai seluruh Gaza selepas pertempuran sengit selama beberapa hari.

Pertempuran antara pejuang Fatah yang taat kepada Mahmoud dan

pergerakan Hamas telah menyebabkan 113 orang terbunuh dalam tempoh seminggu.

Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, puak yang bertelagah perlu ada kemampuan dan kesabaran untuk berunding dengan tidak lagi berbalah sesama sendiri.

Beliau berkata, mesti ada cara untuk menyelesaikan konflik kerana ia merupakan asas Islam.

"Kalau ada masalah yang timbul maka bermesyuaratlah dengan penuh kesabaran dan rasa ikhlas, saya ingat boleh. Mereka mesti rujuk dengan apa yang dikehendaki oleh Allah.

"Dalam hal ini, mereka perlu bincang terutamanya dalam hal yang membawa mereka kepada satu keadaan yang boleh merugikan," tambah beliau.

Sehubungan itu, Perdana Menteri akan mendapatkan maklumat lebih mendalam tentang kedudukan mutakhir isu berkenaan.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah dan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad dan para pemimpin UMNO negeri.

**ABDULLAH Ahmad Badawi menerima cenderamata berupa lukisan daripada Nurdini Izzati Razali, 6, yang muncul juara pertandingan melukis sempena Program Semarak Merdeka di Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam.**

◀ Saya harap kedua-dua pihak dapat cepat-cepat bersetuju untuk berunding. Senapang, meriam, bom tangan ataupun alat atau barang pencetus krisis di merata tempat yang menyebabkan berlakunya kematian dan kerosakan bukanlah penyelesaian yang baik

— Abdullah Ahmad Badawi

